


PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI RABU: 22 OKTOBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 2, 14 HINGGA 34)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3 HINGGA 13
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.10.2008

Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan memberi bantuan untuk mengembangkan unit harga Saham Amanah Sabah (SAS). Jika boleh, apakah bantuan yang dapat disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak mencampuri urusan pelaburan yang dibuat oleh tabung-tabung unit amanah yang ditaja oleh Kerajaan Negeri. Begitu juga, sebarang langkah bagi memperbaiki prestasi tabung amanah adalah merupakan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pengurus-pengurus dana yang terbabit. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Sekuriti sentiasa menyokong dan bersedia membantu langkah-langkah pemulihan, dengan syarat cadangan-cadangan tersebut tidak bercanggah dengan keperluan-keperluan di bawah Garis Panduan Tabung Amanah dan peraturan-peraturan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH (IGAN)
TARIKH : 22 OKTOBER 2008

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI DOLAH (IGAN) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penduduk yang miskin di negara kita. Adakah ianya meningkat disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan beras.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut perangkaan daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang terkini tahun 2007 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, anggaran isi rumah yang berada dalam kategori miskin ialah seramai 209,000 isi rumah atau dengan kadar kemiskinan 3.6%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah isi rumah miskin ini sebenarnya telah berkurangan setiap tahun di mana pada tahun 2004 misalnya, Malaysia telah mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 5.7% dengan bilangan miskin seramai 311,300. Ini menunjukkan usaha berterusan Kerajaan dalam membasmi kemiskinan telah berjaya membantu dalam mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kenaikan harga barangan semasa terutamanya beras dan minyak dijangka akan meningkatkan kadar kemiskinan semasa dan bilangan isi rumah miskin. Walau bagaimanapun, Kerajaan menjangkakan peningkatan ini pada tahap yang terkawal. Kenaikan sebenar kadar kemiskinan akan hanya dapat diketahui apabila HIS selesai dilaksanakan pada akhir tahun 2008. Kerajaan yakin dengan usaha pembasmian kemiskinan yang sedang rancak berjalan sekarang serta langkah-langkah menangani kesan kenaikan harga barangan tersebut akan dapat mengeluarkan isi rumah miskin dan miskin tegar daripada belunggu kemiskinan. Walau bagaimanapun, mengambilkira situasi kenaikan indek harga pengguna semasa dan krisis ekonomi global yang mungkin memberi kesan kepada ekonomi Malaysia, usaha Kerajaan untuk pembasmian kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kadar kemiskinan menjelang tahun 2010 adalah amat mencabar. Berasaskan hasil analisis penemuan HIS 2008 kelak, Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya termasuk kemungkinan mengkaji semula secara lebih realistik tempoh sasaran membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)
TARIKH : 22.10.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menggubal Dasar Pendidikan Negara bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti negara terutamanya dalam sektor k-ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar pendidikan yang diguna pakai pada masa ini adalah berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan perkembangan individu yang menyeluruh dan bersepadu ke arah melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Justeru, kurikulum KBSR dan KBSM menekankan kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti pembelajaran kontekstual, konstruktivisme, pembelajaran masteri dan pembelajaran akses sendiri yang berupaya memupuk pelbagai kemahiran generik atau *soft skills* dalam kalangan murid.

Pembangunan modal insan yang digariskan dalam teras 2 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 bertujuan untuk memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan kepakaran serta kemahiran yang tinggi sebagai penyediaan untuk memasuki pasaran kerja tempatan dan luar negara. Murid di sekolah dilengkapi dengan pelbagai jenis kemahiran *soft skills* dan *hard skills* seperti kemahiran berkomunikasi dengan berkesan, kebolehan menggunakan ICT, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak dengan rasional, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai nilai moral yang tinggi serta berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat.

Bagi mencapai matlamat pembangunan modal insan, PIPP menggariskan empat fokus utama iaitu: (i) mengadakan lebih banyak pilihan pendidikan kepada ibu bapa dan murid; (ii) meningkatkan keupayaan dan minat murid untuk menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran; (iii) membentuk ketrampilan dan keperibadian murid melalui pemantapan kurikulum, program kokurikulum, program sukan, pembudayaan adab dan budi bahasa, pengukuhan program 3K (kebersihan, kesihatan dan keselamatan), pengukuhan disiplin murid, dan (iv) memantapkan dan memperbaharui sistem pentaksiran dan penilaian murid.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KESEBELAS
TAHUN 2008**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN DING KUONG HING
(SARIKEI)
TARIKH : 22 OKTOBER 2008
SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan untuk menambah baik kemudahan laluan jambatan yang daif dan buruk khasnya di kawasan luar bandar negeri Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMK9 sejumlah RM401.57 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program Jalan Luar Bandar (JALB) negeri Sarawak. Program JALB ini meliputi pembinaan dan naik taraf jalan serta jambatan. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, Kementerian ini mensasarkan sepanjang 182.21 km jalan dan 25 unit jambatan dapat dibina dan dinaik taraf.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **TUAN MANOGARAN A/L**
MARIMUTHU
TARIKH : **22 OKTOBER 2008**
NO. PERTANYAAN : **19/18**

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) sila berikan maklumat penuh mengenai pengambilan masuk ke universiti tempatan (IPTA) mengikut pecahan kaum iaitu Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban, jantina dan jurusan sejak lima tahun yang lepas termasuk 2008; dan
- (b) sila berikan pecahan mengikut kaum iaitu Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Orang Asli dan lain-lain untuk jurusan Perubatan, Undang-Undang, Kejuruteraan dan Dentistri di semua (IPTA) untuk lima tahun termasuk 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2005 hingga 2008, secara keseluruhan data Kementerian menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang ditawarkan tempat di IPTA bagi jurusan sains ialah 60% bumiputera, 35% Cina dan 5.1% India. Manakala bagi jurusan sastera pula 66.3% bumiputera, 26% Cina dan 7.6% India. Peratusan ini sesuai dengan komposisi populasi rakyat Malaysia bagi kohort 17 hingga 23 tahun yang merupakan jajaran umur kemasukan ke IPT iaitu 70% Bumiputera, 21% Cina, 7% India dan 2% lain-lain.

Data kemasukan pelajar ke IPTA dari tahun 2005 hingga 2008 mendapati kaum Cina berterusan melebihi komposisi kohortnya, kaum India agak setara, manakala peratusan kaum bumiputera masih tidak dapat mewakili komposisi kohort.

(b) Bagi jurusan Perubatan, Undang-Undang, Kejuruteraan dan Pergigian, pengambilan pelajar daripada kaum Cina masih terus mengatasi komposisi populasi dalam kohortnya iaitu hampir 40%. Bagi kaum India pula peratusannya agak setara dengan populasi kohortnya iaitu sekitar 5% hingga 7%, namun agak tinggi bagi jurusan Undang-Undang iaitu 12%. Bagi pelajar Bumiputera pula secara umumnya komposisinya masih di bawah komposisi populasi kohortnya yang mana ianya hanya di sekitar 52% hingga 55%.

NO: 19

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' PADUKA ABU
BAKAR BIN TAIB (LANGKAWI)**

TARIKH : 22 OKTOBER 2008 (RABU)

NO. SOALAN : 19

**Y.B. DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB minta
MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN
DAN WARISAN menyatakan:**

- (a) sejauh manakah Program 1 Produk 1 Daerah dapat menggalakkan orang-orang di luar bandar berkecimpung di dalam bidang tersebut; dan**
- (b) adakah usaha ini diteruskan dan apakah bantuan yang diberikan kepada pengusaha.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

a. Kementerian melalui agensinya Kraftangan Malaysia membangunkan industri kraf di seluruh Malaysia. Antara projek yang dilaksanakan ialah projek Satu Daerah Satu Industri (SDSI) – Produk Kraf yang memberi penekanan terhadap penggalakkan penyertaan penduduk setempat dalam aktiviti kraf dan menjadikan ia sebagai pekerjaan berterusan yang dapat memberi pendapatan kepada mereka. Kekuatan identiti setempat dan penggunaan bahan mentah tempatan dijadikan asas untuk menghasilkan produk komersil yang diuruskan secara berkelompok.

Projek SDSI telah menggalakkan penduduk luar bandar berkecimpung dalam bidang tersebut. Pada tahun 2008, Kementerian melalui Kraftangan Malaysia telah membangunkan 59 projek SDSI dalam pelbagai bidang kraf iaitu hasil rimba, tekstil, hasil logam dan hasil tanah di 13 negeri kecuali negeri Perlis. Projek ini telah melibatkan 388 orang usahawan kraf dan memberi pekerjaan kepada 2,075 orang guna tenaga.

Hasil daripada projek ini sebanyak RM10.0 juta nilai jualan telah dapat dijana sehingga 31 Julai 2008.

b. Kementerian akan terus membangunkan usahawan di bawah projek SDSI – Produk Kraf. Bagi memastikan keberkesanan projek ini usahawan diberi bantuan berbentuk penambahbaikan bengkel, pinjaman mesin dan peralatan ringan, latihan kemahiran tenaga kerja serta peluang penyertaan dalam promosi peringkat domestik dan antarabangsa. Jenis bantuan yang diberikan bergantung kepada keperluan setiap unit pengeluaran. Kementerian juga menyediakan kemudahan di setiap Cawangan Kraftangan Malaysia iaitu Pusat Gunasama dan Pusat Inovasi Kraf di Perak (Seramik), Kelantan (Batik), Terengganu (Songket) dan Pahang (Kayu).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]
TARIKH : 22 OKTOBER 2008
RUJUKAN : 1293

SOALAN:

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak wang rakyat yang dihabiskan untuk membanteras tunjuk perasaan yang kononnya hendak diadakan pada 14 Julai 2008 lalu di perkarangan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasukan polis sentiasa melaksanakan tugas dalam memastikan ketenteraman awam dan keselamatan negara terpelihara. Tugas mengawal keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama semua pihak termasuk agensi Kerajaan yang berkaitan. Ada kalanya ia merupakan tugas yang rutin dan biasa. Dalam konteks ini, pasukan polis akan sentiasa memantau sebarang isu, insiden dan perkembangan-perkembangan yang berkaitan dengan keselamatan untuk memastikan keselamatan negara dapat diurus dengan baik.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam setiap situasi, seperti pada 14 Julai 2008 lalu, pihak polis perlu bertindak secara proaktif terhadap setiap maklumat keselamatan yang diterima. Pihak polis tidak boleh membiarkan sesuatu insiden itu tercetus dahulu dan hanya mengambil tindakan reaktif setelah ia didapati mengancam keselamatan orang ramai dan ketenteraman awam.

Bersandarkan senario ini, maka tindakan proaktif oleh pihak keselamatan dalam membanteras sebarang insiden yang mungkin menjurus ke arah menggugat ketenteraman awam seperti rancangan untuk mengadakan tunjuk perasaan di Parlimen, pada 14 Julai 2008, lalu, adalah suatu tindakan yang amat bertepatan sekali.

Tuan Yang Dipertua,

Dari aspek implikasi kewangan yang terlibat berkenaan penugasan ini, ia adalah merupakan suatu tugas rutin pasukan keselamatan di negara ini, maka ia tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan di luar jangkaan kepada pihak Kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH**
(LIMBANG)
TARIKH : **22.10.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah akan dibina sebuah sekolah kluster dengan prasarana yang lengkap dan dapat digunakan oleh semua penduduk di kawasan sepanjang Sungai Limbang dan seterusnya menutup 5 buah sekolah yang sekarang ini terletak di kawasan sepanjang Sungai Limbang dengan bilangan pelajar yang kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di kawasan Limbang, Sarawak, **SK Ulu Lubai** merupakan salah satu daripada 60 buah sekolah kluster yang ada di seluruh negara.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa perihatin untuk memberi kemudahan pendidikan ke kawasan luar bandar dan juga pedalaman termasuklah sekolah-sekolah kecil. Bagi sekolah kecil yang boleh dicantumkan, cadangan untuk mengelompok sekolah-sekolah tersebut adalah suatu usaha yang baik kerana rasionalnya sekolah pusat yang diwujudkan dapat disediakan kelengkapan dengan lebih baik seperti bilik darjah yang selesa, kemudahan asas dan juga asrama.

Namun, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memusatkan lima (5) buah sekolah di kawasan sepanjang sungai Limbang untuk dijadikan sebuah sekolah atau juga dikenali **sekolah pusat**, haruslah mendapat persetujuan dan kerjasama sepenuhnya daripada ibu bapa, masyarakat setempat, serta komitmen pemimpin masyarakat tempatan termasuk Ahli Yang Berhormat sendiri. Ingin juga ditegaskan bahawa pembinaan sekolah pusat akan dipertimbangkan secara kes demi kes berdasarkan keperluan serta kemampuan kewangan kerajaan. Buat masa ini belum terdapat keperluan atau permintaan untuk membina sekolah pusat di kawasan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA]
TARIKH JAWAPAN : 22 OKTOBER 2008 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT
SOALAN : NO. 22

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa pembinaan kabel berkuasa tinggi (*high power tension*) seperti di Kelana Jaya telah mengakibatkan beberapa penduduk di kawasan berdekatan dijangkiti penyakit berbahaya. Apakah langkah susulan Kementerian mengenai perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation - WHO*)

telah lebih 20 tahun mengumpulkan kajian-kajian yang mengkaitkan

kabel berkuasa tinggi dengan jangkitan penyakit. WHO telah membuat rumusan bahawa tidak dapat dibuktikan secara kajian saintifik bahawa kabel berkuasa tinggi, seperti yang terdapat di Kelana Jaya, boleh menyebabkan penyakit berbahaya kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan berdekatan.

Pengaliran arus elektrik daripada kabel berkuasa tinggi menghasilkan medan magnet (*electro magnetic field* -EMF) dan apabila diukur di bawah menara, didapati had dedahan EMF adalah pada sekitar 30 milliGauss, dan ianya menurun kepada sekitar 13 milliGauss sahaja pada had 10 meter dari tengah menara. EMF ini adalah jauh lebih rendah dari had pendedahan kepada orang awam yang dicadangkan oleh *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection* (ICNIRP) dan WHO yang telah merumuskan bahawa berdasarkan cadangan daripada ICNIRP, had dedahan EMF yang mungkin boleh menjejaskan kesihatan manusia adalah pada kadar 1000 milliGauss.

SOALAN NO: 23

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN
(PENGKALAN CHEPA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.10.2008

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jawatan pegawai, gaji dan elaun bulanan mereka dalam syarikat-syarikat GLC dan bagaimana mekanisme pemantauan perjalanan syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perincian gaji, elaun dan kemudahan bulanan/tahunan yang dibayar kepada pegawai kanan di syarikat GLC adalah dipertimbangkan dan ditentukan oleh Lembaga Pengarah syarikat GLC berkenaan berdasarkan pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan.

2. Selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, proses pemantauan GLC yang dikuasai Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) seperti Khazanah dilakukan melalui Ahli Lembaga

Pengarah (ALP) yang dilantik mewakilinya di dalam Lembaga Pengarah GLC berkenaan.

3. Penglibatan ALP yang dilantik ini dalam menentukan hala tuju pengurusan GLC merupakan kaedah penting bagi memastikan GLIC menjalankan tanggungjawabnya sebagai pemegang saham yang aktif. Dalam perkara ini, GLIC menyediakan mekanisme sokongan yang sistematik kepada semua ALP lantikannya melalui dokumentasi maklumat tambahan yang berkaitan serta memberikan perspektif yang lebih baik mengenai syarikat GLC yang berkenaan. Ia bagi membantu dan memastikan ALP mampu melaksanakan pemantauan ke atas perjalanan syarikat GLC dengan lebih cekap dan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK

TARIKH : 22 OKTOBER 2008

SOALAN : 24

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan kenaikan harga minyak dan harga barangan, golongan pegawai pencen/pesara adalah golongan yang paling terseksa dan menderita, apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi perkara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menggubal beberapa dasar baru berkenaan faedah persaraan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2009. **Pertamanya**, Kerajaan bersetuju untuk menghitung pencen mengikut formula berasaskan tempoh perkhidmatan sehingga maksimum 30 tahun bagi semua pesara dan penerima pencen.

NO. SOALAN: 24

Kedua, Kerajaan bersetuju memansuhkan susutan kadar pencen terbitan kepada 70% daripada pencen asal selepas 12 ½ tahun dari tarikh persaraan atau kematian dalam perkhidmatan gemulah anggota. Ini bermakna penerima pencen terbitan akan menerima pencen asal yang sama tanpa apa-apa susutan.

Ketiga, Kerajaan juga telah bersetuju untuk menaikkan amaun pencen terendah kepada RM 720 sebulan mulai 1 Januari 2009 bagi pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun. Di samping itu usaha-usaha lain sedang dipertimbangkan untuk membantu golongan pesara dan ahli keluarga tanggungan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.10.2008

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapatnya risiko berlaku stagflasi dalam ekonomi negara dan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil Kerajaan bagi menangani risiko ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, stagflasi ialah suatu keadaan di mana ekonomi menghadapi kadar inflasi yang tinggi walaupun tiada pertumbuhan ekonomi pada keseluruhannya. Berdasarkan takrifan ini, walaupun seluruh dunia berhadapan dengan harga minyak dan makanan yang tinggi, Malaysia tidak menghadapi risiko stagflasi memandangkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus berkembang mapan pada kadar 6.7% dalam tempoh separuh pertama tahun 2008 meskipun kadar inflasi meningkat 4.8% bagi tempoh lapan bulan pertama 2008.

2. Dengan asas makroekonomi yang kukuh disokong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan, ekonomi negara dijangka terus berkembang dalam tempoh separuh kedua tahun ini walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding separuh pertama. Bagi keseluruhan tahun 2008, KDNK dijangka berkembang 5.7% dengan kadar inflasi antara 5.0% hingga 6.0%. Trend ini dijangka berterusan pada tahun hadapan. Ini adalah hasil daripada usaha bersungguh-sungguh Kerajaan untuk menangani risiko tekanan inflasi dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- i. melaksanakan Dasar Jaminan Makanan dengan peruntukan RM2.5 bilion bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan bahan makanan mencukupi untuk jangka masa yang panjang;
- ii. mewujudkan stok penimbal beras dan menambah baik pengedaran makanan;
- iii. mengawal harga barangan keperluan makanan;
- iv. menyeragamkan harga bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak bagi harga keperluan asas seperti beras, tepung gandum, susu, gula dan gas masak;
- v. memberi subsidi ke atas barangan keperluan seperti harga tepung, minyak masak dan barangan petroleum serta mengekalkan harga gas masak pada kadar RM1.75 sekilogram;
- vi. meningkatkan penguatkuasaan ke atas kawalan harga dan bekalan barangan yang dikawal supaya para peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga; dan

vii. memperbaiki penyediaan perkhidmatan pengangkutan awam agar dapat menggalakkan lebih ramai orang beralih menggunakannya.

3. Kerajaan juga amat prihatin terhadap beban yang ditanggung oleh rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan mudah terjejas. Sehubungan itu, Kerajaan juga telah dan akan melaksanakan pelbagai program bantuan sosial seperti bantuan kewangan, subsidi dan insentif untuk meringankan beban golongan ini.

4. Selain langkah yang diambil bagi menangani tekanan inflasi yang tinggi, Kerajaan juga mengambil beberapa langkah pragmatik dalam merangsang dan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi antaranya termasuk mempergiatkan pembangunan koridor pertumbuhan wilayah, mewujudkan persekitaran kondusif bagi pelaburan swasta dan mempergiatkan Perusahaan Kecil dan Sederhana.

5. Memandangkan paras harga minyak global mula reda pada masa ini, tekanan harga dan inflasi dijangka akan berkurang. Dalam suasana sedemikian, Kerajaan akan terus memantau dengan teliti perkembangan domestik dan antarabangsa serta mengambil tindak balas yang bersesuaian berasaskan penilaian terhadap risiko pertumbuhan ekonomi dan kesan kenaikan harga yang menyeluruh. Pengalaman negara dalam menangani situasi yang serupa dan dimantapkan oleh asas ekonomi yang kukuh serta sistem perbankan yang teguh, membolehkan negara kita mengharungi cabaran semasa.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT KEDUA BELAS MESYUARAT KETIGA

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]**
- TARIKH** : **22 OKTOBER 2008 (RABU)**
- SOALAN** : **Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan usaha kerajaan menggiatkan ternakan laut dan mengenalpasti kawasan-kawasan ternakan yang berpotensi, bagi meningkatkan daya pengeluaran.**
- JAWAPAN** : **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memajukan sektor akuakultur di negara ini termasuk ternakan laut berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan pada tahun 2010 sebanyak 523,739 matrik tan berbanding pengeluaran pada tahun 2007 sebanyak 230,000 matrik tan.

Bagi mencapai sasaran ini serta menggiatkan sektor akuakultur (termasuk ternakan laut), maka Program Zon Industri Akuakultur (ZIA) telah diperkenalkan dan dijangka akan menjana nilai sebanyak RM 6.895 billion menjelang tahun 2010 dengan penglibatan 22,284 orang pengusaha. Sejumlah 39 kawasan di seluruh negara dengan keluasan melebihi 25,000 ha kawasan daratan dan perairan telah dikenalpasti di seluruh negara berpotensi untuk dimajukan dengan ternakan air tawar dan laut.

Bagi projek di kawasan ZIA, pengusaha-pengusaha layak mendapat bantuan infrastruktur seperti jalan masuk, jalan ladang, perparitan dan saluran, sambungan bekalan elektrik dan sambungan bekalan air domestik, jeti, kolam takungan dan rawatan, kajian EIA dan kerja-kerja ukur sempadan.

Dari jumlah tersebut sebanyak 6,695 ha untuk ternakan udang laut dalam kolam, 450 ha untuk ternakan ikan laut dalam kolam/tangki, 1,105 ha untuk ternakan ikan laut dalam sangkar, 270 ha untuk ternakan kupang, 9,200 ha untuk ternakan kerang, 5,600 ha

untuk rumpai laut dan 1,680 ha adalah untuk ternakan ikan/udang air tawar.

Di samping itu, untuk menggiatkan ternakan akuakultur dan meningkatkan daya pengeluarannya, Jabatan Perikanan mempunyai kakitangan di peringkat negeri dan daerah yang bersedia memberi perkhidmatan secara langsung kepada kumpulan sasaran meliputi penternak, nelayan dan pemproses. Antara khidmat yang diberikan termasuklah khidmat nasihat, bimbingan, latihan in-situ dan perundingan teknikal. Disamping itu Jabatan turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti analisis penyakit ikan secara percuma, analisis makmal serta menyediakan pelbagai risalah dan buku panduan kepada kumpulan sasaran.

Pelbagai latihan jangka panjang dan jangka pendek dalam bidang akuakultur turut disediakan. Mereka yang berminat boleh menghubungi Pejabat Perikanan Negeri atau Daerah atau melawat laman web Jabatan Perikanan Malaysia untuk mendapatkan maklumat dan borang permohonan. Proses memperkenalkan dan pemindahan teknologi ternakan terkini kepada penternak juga berlaku semasa penternak menyertai latihan anjuran Jabatan.

Pelabur baru dan penternak sedia ada yang ingin membesarkan perusahaan turut ditawarkan pelbagai insentif (kira-kira 20 jenis insentif di tawarkan kepada sektor pengeluaran makanan Negara).

Pihak Jabatan Perikanan turut menawarkan pemberian benih ikan/udang secara percuma kepada penternak untuk musim pertama. Bantunan ini disalurkan melalui pusat-pusat pembenihan Jabatan kepada penternak melalui pusat-pusat pembenihan Jabatan berdasarkan peruntukan Jabatan yang ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
TARIKH : 22 OKTOBER 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : 27

Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk mengekalkan UiTM sebagai universiti bumiputera bagi memberi peluang lebih ramai lagi kepada pelajar bumiputera melanjutkan pelajaran di IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 26 Ogos 1999, Kerajaan telah mengumumkan ITM dinaikkan taraf kepada sebuah universiti iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM). Walaupun telah di naik taraf kepada universiti, Kerajaan akan mengekalkan peranan UiTM mengikut prinsip dan matlamat asal penubuhannya iaitu untuk melatih tenaga kerja Bumiputra profesional dan separa profesional selaras dengan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta173).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG
JEE KEEN
(SELAYANG)**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- a) Mengapa Kementerian telah menukar senapang "Steyr" kepada Colt M16 M4 dan berikan jumlah dan kos pembelian senapang "Steyr" dan Colt M16 M4; dan**
- b) Mengapa senapang tersebut dibeli daripada SME Ordnance Sdn Bhd dan bukan daripada pengilang.**

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menggunakan senjata *Army Universal Gun (AUG) Steyr* semenjak tahun 1992. Sepanjang tempoh tersebut didapati senjata ini mengalami beberapa masalah dari segi teknikal. Dengan mengambil kira peratusan kerosakan berulang yang tinggi, maka kerajaan telah meneliti opsyen yang terbaik agar kesiapsiagaan ATM tidak terjejas. Kajian dan penelitian ke atas beberapa jenis senjata yang berada di pasaran telah dilakukan dan didapati senjata yang paling sesuai dan *reliable* adalah dari jenis senjata *Colt*. Kelebihan jenis senjata *Colt* ini adalah dari segi keupayaan dan ketepatan yang menjurus kepada *battlefield survivability, reliability* dan *dependability*.

Jumlah kos perolehan senjata *Steyr* adalah berjumlah RM306 juta bagi 83,129 laras. Manakala kos perolehan untuk senjata *Colt M4 Carbine* pula adalah sebanyak RM89 juta untuk 14,000 laras (peringkat pertama). Perolehan seterusnya akan dibuat secara berperingkat dan dijangka dilaksanakan sepenuhnya dalam RMK-10.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengenai aspek pembelian pula, pihak Syarikat *Colt* telah melantik Syarikat Malaysia Explosive Ordnans (SMEO)

SULIT

Sdn. Bhd sebagai wakil tunggal di Malaysia dan bersetuju senjata berkenaan dikeluarkan di Malaysia secara *Under Licence*. Perolehan senjata ini dari SMEO Sdn. Bhd. dapat memberi faedah kepada industri pertahanan negara.

NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARPADA : Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

TARIKH : 22 Oktober 2008 (Rabu)

SOALAN : 29

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa banyakkah peruntukan yang dijanjikan untuk memperbaiki dan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang khususnya landasan, kemudahan awam, tandas serta mengasingkan pintu masuk penumpang domestik dan antarabangsa serta nyatakan bilakah projek akan siap, kontraktor dan sama ada tender terbuka diadakan.

Jawapan :

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya Kerajaan tidak menjanjikan untuk menaik taraf dan memperbaiki Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH : RABU, 22 OKTOBER 2008

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Jadual 9 Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan untuk beri bidang kuasa jelas kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan dan memutuskan hal ehwal kemasukan dan kemurtadan dari agama Islam; dan
- (b) butiran terperinci pecahan agihan zakat mengikut asnaf bagi tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan adakah benar kutipan dan agihan zakat di swastakan kepada syarikat tertentu. Apakah nama syarikat itu dan berapa bayaran bulanan/tahunan diberi kepada syarikat tersebut.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bidang kuasa berhubung pemelukan agama Islam serta keluar dari agama Islam (murtad) sememangnya telah diperuntukkan dalam Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri sedia ada.

Walaupun bagaimanapun, setakat ini hanya Negeri Sembilan sahaja mempunyai prosedur spesifik berhubung perkara pemelukan atau keluar dari agama Islam. Dalam hal ini, prosedur pemelukan agama Islam diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan Seksyen 107 – 114, manakala prosedur untuk keluar dari agama Islam (murtad) diperuntukkan di dalam Seksyen 119 Enakmen yang sama.

- (b) Pecahan agihan zakat mengikut asnaf di Wilayah Persekutuan bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti yang terkandung di dalam Jadual 1 yang dilampirkan bersama. Pecahan agihan bagi tahun 2008 boleh diperolehi selepas akhir tahun ini.

Tanggungjawab memungut zakat di Wilayah Persekutuan dilaksanakan oleh Syarikat Harta Suci Sdn Bhd, yang lebih dikenali dengan nama Pusat Pungutan Zakat (PPZ). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Syarikat Harta Suci merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang bertujuan untuk menjalankan operasi pungutan zakat, dan upah yang dibayar adalah sebanyak satu perdua-belas dari jumlah zakat yang dipungut olehnya. Tugas agihan zakat pula dilaksanakan di peringkat MAIWP sendiri.

Sekian, terima kasih.

ASNAF

	FAKIR	MISKIN	MUALLAF	GHARIMIN	IBNUSABIL	FISABILILLAH	RIQAB	AMIL	JUMLAH
2005	11,179,368.94	13,470,527.51	2,209,416.51	610,836.67	168,411.95	55,080,350.60	-	16,800,093.18	99,519,005.36
2006	14,837,415.00	13,463,592.00	3,125,683.00	1,399,151.00	340,704.00	42,696,782.00	-	25,685,080.00	101,548,407.00
2007	19,467,938.00	22,591,546.00	3,856,970.00	1,441,716.00	401,593.00	41,279,097.00	40,176,052.00	14,564,783.00	143,779,695.00

Jadual 1: Pembahagian Zakat Wilayah Persekutuan mengikut Asnaf

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MOHD PUAD BIN ZARKASHI
(BATU PAHAT)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 22.10.2008

Dr. Mohd Puad bin Zarkashi (Batu Pahat) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan persepsi buruk terhadap kualiti kereta nasional 'Perdana V6' di kalangan orang ramai sekarang ini. Apakah tindakan PROTON untuk mengatasi masalah kualiti tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PROTON selaku pengeluar kereta nasional dari semasa ke semasa telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi menambah baik kualiti kereta yang dikeluarkan. Inisiatif tersebut bukan hanya terhad kepada aktiviti pemasangan kereta tetapi juga merangkumi aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) di mana komponen-komponen yang kerap menerima rungutan pelanggan telah diperbaharui. Ini termasuk pemasangan sistem penyejukan minyak transmisi bagi menangani masalah suhu tinggi pada sistem transmisi yang kerap dilaporkan berlaku pada kereta Perdana V6.

2. Usaha peningkatan kualiti oleh PROTON telah mampu mengurangkan kerosakan yang berpunca daripada transmisi dari 18% pada tahun 2004 kepada 3% pada tahun 2007. Sehingga Julai 2008, kerosakan yang berpunca daripada transmisi adalah kurang dari 1%. Selain itu, Proton Perdana V6 juga mempunyai tempoh jaminan selama 2 tahun atau sehingga 50,000 km, di mana PROTON akan menanggung kos alat ganti tambahan jika ianya perlu diganti.

3. Bagi terus menjamin kepuasan pelanggan, PROTON juga telah melancarkan *Proton i-Care* pada tahun 2007 untuk meningkatkan mutu perkhidmatan selepas jualan kepada pengguna. Usaha dan komitmen berterusan PROTON diharap dapat menangkis persepsi buruk terhadap kualiti kereta nasional berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

SOALAN 32	:	PR-1213-L15728
PERTANYAAN	:	JAWAB LISAN
DARIPADA	:	YB DATUK TIONG THAI (LANANG)
TARIKH	:	22 Oktober 2008
SOALAN	:	YB Datuk Tiong Thai (Lanang) minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan negara-negara Afrika yang mempunyai hubungan diplomatik dengan negara kita. Bagaimana negara kita mengeratkan hubungan dengan negara-negara Afrika dalam sektor ekonomi, budaya, pendidikan dan hubungan diplomatik.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Lanang di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan 53 negara di benua Afrika. Hubungan diplomatic Malaysia dengan benua Afrika telah bermula seawal tahun 1960an dengan tertubuhnya Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah, Mesir pada tahun 1960 dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Lagos, Nigeria pada tahun 1965. Dari 53 negara tersebut, Malaysia mempunyai 13 Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi di benua Afrika. Manakala 16 negara Afrika telah menubuhkan Pejabat Perwakilan masing-masing di Malaysia.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, negara-negara Zambia, Gambia dan Comoros telah membuat keputusan untuk menubuhkan Pejabat Perwakilan mereka di Malaysia.

3. Hubungan diplomatik dan kerjasama dua hala Malaysia dengan negara-negara Afrika secara keseluruhannya adalah rapat dan mesra. Hubungan politik yang erat di peringkat kepimpinan tertinggi di antara Malaysia dan negara-negara tersebut telah menyumbang secara positif kepada hubungan diplomatik yang mesra dan rapat ini. Hubungan politik ini menjadi pemangkin kepada hubungan dan kerjasama dua hala Malaysia dan Afrika di bidang-bidang yang lain.

4. Prinsip dan semangat Kerjasama Selatan-Selatan dan perkongsian pintar menjadi teras kepada hubungan dan kerjasama dua hala Malaysia dengan negara-negara Afrika. Melalui prinsip dan semangat ini, hubungan dan kerjasama dua hala Malaysia dengan negara-negara ini telah berkembang meliputi bidang perdagangan, kebudayaan, pelaburan, pelancongan, sains dan teknologi, penerangan dan lain-lain lagi.

5. Malaysia juga bekerjasama rapat dengan negara-negara Afrika di bidang pembangunan insan di mana hampir kesemua negara-negara Afrika adalah penerima bantuan latihan teknikal di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM).

6. Jalinan kerjasama ini turut diperkukuhkan dengan kerjasama rapat Malaysia dengan negara-negara Afrika di peringkat pelbagai hala di dalam isu-isu antarabangsa di mesyuarat-mesyuarat atau forum-forum antarabangsa seperti di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8), Komanwel dan lain-lain forum di peringkat antarabangsa dan wilayah-wilayah seperti Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 22 Oktober 2008
RUJUKAN : 1294

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan terhadap isu orang pelarian Burma dijual selepas Jabatan Imigresen bertemu dengan pihak NTV7. Adakah Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa bebas untuk menyiasat kes ini memandangkan dua pegawai tertinggi Jabatan Imigresen disyaki terlibat dalam rasuah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Klang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah mengadakan siasatan dalaman sejurus menerima aduan atau tuduhan bahawa pegawai-pegawai imigresen yang menjual pelarian Burma oleh NTV7 bertema '*Refugee for Sale*' pada 03 Mei 2008. Siasatan dalaman ini adalah bertujuan mengumpul maklumat berhubung dengan tuduhan tersebut. Ia bertujuan bagi menentukan sama ada perlu atau tidak diwujudkan sebuah jawatankuasa bebas bagi menyiasat tuduhan ini.

Hasil siasatan JIM menunjukkan bahawa tiada bukti bagi mengesahkan tuduhan tersebut. Siasatan dalaman telah dijalankan oleh Unit Risikan, Bahagian Penguatkuasa JIM Putrajaya menunjukkan bahawa tuduhan tersebut adalah tidak berasas dan amat sukar untuk dikaitkan dengan kegiatan secara langsung pegawai-pegawai imigresen dalam tuduhan yang dibangkitkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGAM)
TARIKH : 22 OKTOBER 2008
SOALAN :

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memantau pesakit mental yang telah dibebaskan dari hospital atau dikenalpasti tidak mengancam keselamatan orang awam tetapi berkeliaran di bandar dengan berpakaian kotor dan mencacatkan pandangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental bagi pesakit-pesakit mental di institusi-institusi mental, hospital-hospital Kerajaan dan klinik-klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan psikososial dan rawatan susulan kepada pesakit mental yang stabil di seluruh negara. Sehingga tahun 2007, jumlah kumulatif pesakit mental adalah berjumlah 324,344 orang dan

dari jumlah tersebut, sejumlah 44,456 (13.7%) menerima rawatan di peringkat komuniti. Prognosis rawatan di peringkat komuniti adalah baik sekiranya pesakit komplian terhadap-ubat-ubatan dan patuh kepada rawatan susulan. Pesakit mental yang tidak patuh kepada rawatan susulan akan berisiko mendapat *relapse* dan perlu dimasukkan kembali ke hospital. Pada tahun 2007, jumlah pesakit yang cicir di peringkat komuniti pula adalah berjumlah 7,045 (15.8%) sementara yang dimasukkan semula ke wad adalah seramai 669 orang. Untuk pesakit-pesakit yang *default* atau tercicir (tidak hadir ke klinik), pengesanan *defaulter tracing* dibuat melalui telefon atau lawatan ke rumah oleh anggota-anggota kesihatan.

Terdapat juga golongan pesakit mental yang didapati merayau-rayau dan berkeliaran di jalanan. Biasanya mereka tidak mempunyai keluarga atau tidak dijaga oleh ahli keluarga mereka. Golongan ini akan diselamatkan melalui operasi pengemis yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dari masa ke semasa di mana mereka akan ditempatkan di premis Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada 1 Jun 2008, daripada sejumlah 2,768 individu yang ditempatkan di premis Jabatan Kebajikan Masyarakat, 984 orang (35.5%) adalah dikenalpasti sebagai pesakit mental.

Kementerian Kesihatan berperanan memastikan rawatan berterusan diberikan kepada pesakit mental di dalam komuniti. Bagi pesakit mental yang berkeliaran, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab dalam aspek kebajikan pesakit di mana pesakit

mental tersebut perlu ditempatkan di institusi yang dikenal pasti oleh JKM bagi mendapatkan rawatan susulan. Kementerian Kesihatan bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan peralatan perubatan/kesihatan bagi memenuhi keperluan pesakit-pesakit mental ini. Selain itu, Kementerian Kesihatan akan memastikan agar kakitangan yang bertugas di institusi berkenaan diberi kursus dan latihan yang bersesuaian dalam mengendalikan pesakit-pesakit mental. Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menangani isu pesakit mental yang ditempatkan di JKM dari segi rawatan dan pemulihan serta aspek perundangan.

Jadual 1 : Bilangan pesakit mental yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan dan institusi-institusi mental di seluruh negara tahun 2007

Negeri	Jumlah	
	Kes	Kes Baru
Perlis	8,782	347
Kedah	23,524	1,661
Pulau Pinang	24,466	3,003
Perak	26,492	1,869
Selangor	22,110	2,723
Wilayah Persekutuan	28,640	2,168
Negeri Sembilan	19,148	1,771
Melaka	16,944	694
Johor	29,894	2,481
Pahang	14,908	1,116
Terengganu	9,419	649
Kelantan	10,716	521
Sabah	10,254	927
Sarawak	20,165	1,353
Jumlah	265,462	21,283
Institusi-insitusi Mental		
Hospital Bahagia Ulu Kinta	3,164	
Hospital Permai, Tampoi	17,750	
Hospital Mesra, Bukit Padang, Sabah	11,847	
Hospital Sentosa, Sarawak	26,121	
Jumlah	58,882	
Jumlah keseluruhan	324,344	

Sumber data : Health Management Information System, MOH